

21/07/2005

UMNO: BELUM TERLAMBAT UNTUK RAFIDAH JUMPA DR MAHATHIR, KATA RAIS

KUALA LUMPUR, 21 Julai (Bernama) -- Masih belum terlambat bagi Datuk Seri Rafidah Aziz menemui bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad bagi menjernihkan keadaan berhubung isu Permit Import (AP), kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Beliau berkata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu sepatutnya menyerahkan sendiri surat penjelasan berhubung isu AP itu kepada Dr Mahathir.

Rais yang juga anggota Majlis Tertinggi (MT) Umno berkata beliau telah mencadangkan kepada Rafidah supaya menyerahkan sendiri surat itu kepada Dr Mahathir dalam beberapa mesyuarat kabinet sebelum ini.

"Tetapi nampaknya beliau tidak berkesempatan atau memilih untuk tidak menemui Dr Mahathir," katanya kepada Bernama pada waktu rehat Perhimpunan Agung Umno ke-56 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

"Jika terdapat sesuatu salah langkah, kita harus lekas mengaku bahawa kita silap dan menemui orang yang lebih arif dan orang yang lebih berbudi kepada kita," katanya.

-- BERNAMA
SYZ AFY LAT